

14 pegawai DOSM terima Ijazah Sarjana Ekonomi menerusi program kerjasama UUM



Seramai 14 pegawai Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerima anugerahkan Ijazah Sarjana Ekonomi (MEc.) pada Majlis Konvokesyen ke-36 Universiti Utara Malaysia (UUM), hari ini.

Dalam kenyataan DOSM hari ini memaklumkan pegawai terlibat merupakan pelajar MEc. di bawah program pengajian kerjasama antara jabatan itu dan UUM melalui inisiatif Persatuan Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Selain itu, kerjasama program pengajian peringkat sarjana dengan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan UUM yang julung kali dilaksanakan ini bertujuan mendaya upaya bakat sebagai teras utama untuk memperkasa warganya agar berpengetahuan tinggi, kompeten, kreatif, inovatif, berintegriti dan berkemahiran dalam pelbagai bidang teras terutamanya bidang ekonomi.

“Inisiatif program pengajian ini disertai seramai 25 pegawai daripada pelbagai gred jawatan telah dijalankan secara separuh masa dengan mod pembelajaran campuran yang melibatkan kerja kursus dan disertasi.

“Mengambil semangat dan kejayaan program pengajian Sarjana Ekonomi untuk edisi pertama ini, kajian dan pertimbangan lanjut akan dilaksanakan untuk meneruskan program pengajian sarjana ekonomi dengan mengambil kira pengalaman pembelajaran program yang telah berlangsung,” menurut kenyataan itu.

Menurut DOSM terdapat peluang dan ruang untuk memperluaskan program bidang pengajian ijazah sarjana kepada Pusat Pengajian yang menawarkan bidang strategik yang baharu seperti data analitik dan sains kuantitatif.

Program sebegini juga diharap dapat meneruskan pelaksanaan kerjasama strategik antara DOSM dan UUM atas platform Pengukuhan Sistem Statistik Negara, Pelan Strategik UUM dan DOSM, Pelan Strategik Institut Latihan Statistik Malaysia dan juga pemerkasaan kapasiti modal insan jabatan itu.

Seterusnya, kejayaan ini merupakan satu penanda aras pencapaian yang signifikan bagi kerjasama strategik DOSM dan UUM dalam bidang pendidikan pasca siswazah bagi membina kapasiti modal insan DOSM.

“Sebelum ini, terdapat seorang pegawai telah ditauliahkan Ijazah Sarjana Ekonomi pada Majlis Konvokesyen ke-35 UUM yang lepas dan enam pelajar sarjana bakal berijazah pada sesi konvokesyen akan datang,” menurut kenyataan itu.

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2246137>